



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**Kajian Kes Amalan Penerapan Strategi Metakognitif dalam Pengajaran
Guru di Sekolah Pencapaian Tinggi dalam Mata Pelajaran Ekonomi
Tingkatan Enam di Sarawak**

Nur Izzatul Syahirah Tan binti Abdullah

**Doktor Falsafah
2025**

Kajian Kes Amalan Penerapan Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Guru
di Sekolah Pencapaian Tinggi dalam Mata Pelajaran Ekonomi Tingkatan
Enam di Sarawak

Nur Izzatul Syahirah Tan binti Abdullah

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

(Sains Pembelajaran)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2025

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.

.....

Tandatangan

Nama: Nur Izzatul Syahirah Tan binti Abdullah

No. Matrik: 19010092

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh:

PENGHARGAAN

Segala puji dan rasa syukur yang tidak terhingga dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya membolehkan saya menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Pelbagai pengalaman dikutip di sepanjang kembara ilmu ini menginsafkan diri betapa luasnya lautan ilmu kepunyaan Yang Esa dan betapa kerdilnya diri sebagai pencari ilmu.

Rakaman penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Zaimuariffudin Shukri Nordin, atas segala sokongan dan bimbingan yang tidak berbelah bahagi sepanjang perjalanan menyiapkan tesis ini. Keluangan masa dan komitmen yang diberikan, hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya. Tunjuk ajar dan penyeliaan berterusan oleh beliau telah membolehkan saya menyiapkan tesis ini. Saya terhutang budi atas kesabaran dan nasihat beliau yang amat berguna. Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan buat penyelia bersama, Profesor Madya Dr. Norehan Zulkifly.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana memberi ruang untuk saya menyambung pengajian ke peringkat ijazah kedoktoran (PhD). Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas penganugerahan Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa (CBBPB) di peringkat ijazah kedoktoran kepada saya. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS), pengetua sekolah dan peserta kajian yang telah memberi kebenaran dan sudi membantu dalam proses menyiapkan tesis ini.

Penghargaan khusus ditujukan kepada suami, Muhaimi Suhaili dan anak-anak tersayang, Nur Insyirah Marsya dan Luqman Al-Hakim kerana sentiasa menyokong dan sangat memahami situasi saya sepanjang perjalanan PhD ini. Akhirnya, ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada rakan-rakan seangkatan yang sentiasa menyokong antara satu sama lain. Tanpa kalian semua, tidak mungkin saya dapat mengharungi perjalanan menuntut ilmu ini dengan jayanya.

Penghargaan saya kepada semua pihak adalah tulus.

ABSTRAK

Strategi metakognitif merupakan salah satu strategi pengajaran penting yang perlu dikuasai oleh guru khususnya guru Ekonomi yang sering mengalami kesukaran untuk meningkatkan tahap pemahaman konsep dan teori Ekonomi yang bersifat abstrak dalam kalangan pelajar. Banyak kajian di dalam dan luar negara mendapati bahawa tahap penguasaan kandungan pelajaran dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap yang rendah. Beberapa hasil kajian serta hujah saintifik pula mencadangkan bahawa terdapat perkaitan antara penguasaan kandungan pelajaran dengan proses metakognitif. Guru pula memainkan peranan yang amat penting dalam mempengaruhi proses metakognitif dalam pembelajaran dan pemudahcaraan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka kefahaman guru Ekonomi Tingkatan Enam terhadap konsep strategi metakognitif dalam pengajaran Ekonomi serta kepentingannya. Selain itu, kajian ini juga melihat amalan penerapan strategi metakognitif dalam konteks pengajaran di bilik darjah. Akhir sekali, cabaran dalam melaksanakan amalan penerapan ini juga diteliti secara mendalam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur. Data dianalisis menggunakan NVivo 12 *Plus*. Seramai 12 orang guru Ekonomi Tingkatan Enam yang berkhidmat di sekolah pencapaian tinggi dalam mata Pelajaran Ekonomi di Sarawak dipilih sebagai peserta kajian melalui kaedah persampelan bertujuan secara *network sampling*. Kajian mendapati guru Ekonomi mempunyai kefahaman yang kabur terhadap konsep strategi metakognitif tetapi mempunyai kefahaman yang menyeluruh terhadap kepentingan penerapan strategi metakognitif dalam pengajaran Ekonomi. Guru Ekonomi didapati melaksanakan penerapan strategi metakognitif melalui perancangan pengajaran, set induksi, pemantauan pengajaran dan penilaian pengajaran. Kajian turut mendapati guru Ekonomi menghadapi cabaran seperti kekangan masa, pengetahuan guru

tentang strategi metakognitif, penyediaan bahan pengajaran dan kesediaan pelajar untuk melaksanakan penerapan secara maksima dan berterusan dalam pengajaran. Kajian ini menghasilkan cadangan kerangka model pengajaran berasaskan strategi metakognitif yang bersifat praktikal dan memenuhi keperluan semasa, di samping turut memberikan implikasi terhadap teori, bidang keilmuan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kata kunci: Strategi metakognitif, pengajaran, Ekonomi Tingkatan Enam

Case Study on the Practice of Metacognitive Strategies in Teachers' Instruction at High-Achieving Schools in Form Six Economics Subjects in Sarawak

ABSTRACT

Metacognitive strategies are one of the important teaching strategies that teachers, especially economics teachers, need to master, as they often find it difficult to improve students' understanding of abstract economic concepts and theories. Many studies, both locally and internationally, have found that the level of mastery of subject content among students is still low. Some study results and scientific arguments also suggest that there is a link between mastery of subject matter and metacognitive processes. Teachers also play a crucial role in influencing metacognitive processes in learning and facilitation. Therefore, this study was conducted to explore the understanding of Form Six Economics teachers regarding the concept of metacognitive strategies in economics teaching and its importance. Additionally, this study also examines the practice of implementing metacognitive strategies in the context of classroom teaching. Finally, the challenges in implementing this integration practice were also examined in depth. This study uses a qualitative approach with a case study design. Data collection was conducted through semi-structured interviews. Data was analysed using NVivo 12 Plus. A total of 12 Form Six Economics teachers serving in high-achieving schools in the Economics subject in Sarawak were selected as study participants through a purposive sampling method using network sampling. The study found that economics teachers have a vague understanding of the concept of metacognitive strategies but a comprehensive understanding of the importance of applying metacognitive strategies in economics teaching. Economics teachers were found to implement metacognitive strategies through lesson planning, introductory sets, teaching monitoring, and teaching evaluation. The study also found that economics teachers face challenges such as time

constraints, teachers' knowledge of metacognitive strategies, preparation of teaching materials, and students' readiness to implement the application to the fullest and continuously in teaching. This study proposes a practical and current framework for a metacognitive strategy-based teaching model, which also has implications for theory, the field of knowledge, and the Ministry of Education Malaysia (KPM).

Keywords: *Metacognitive strategies, teaching, Form Six Economics*

ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kerangka Teori Kajian	10
1.7 Kerangka Konsep Kajian	13
1.8 Signifikan Kajian	15
1.8.1 Sumbangan Teoritikal	16

1.8.2	Sumbangan Metodologikal	17
1.8.3	Sumbangan Praktikal	19
1.8.4	Sumbangan Bidang Keilmuan	21
1.9	Definisi Istilah	23
1.9.1	Penerapan	23
1.9.2	Strategi Metakognitif	24
1.9.3	Pengajaran	25
1.9.4	Kefahaman Guru	25
1.9.5	Cabaran	25
1.10	Kesimpulan	26
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	27
2.1	Pengenalan	27
2.2	Strategi Metakognitif	27
2.3	Model-model Metakognitif	29
2.3.1	Model Metakognitif Flavell	30
2.3.2	Model Metakognitif Brown	32
2.3.3	Model Metakognitif Schraw dan Dennison (1994)	33
2.3.4	Model Kontemporari: 8 Pillars of Metacognition	36
2.3.5	Analisis Kritis dan Justifikasi Pemilihan Model Flavell	37
2.4	Teori yang berkaitan dengan pengajaran	40

2.4.1	Teori Kognitif	40
2.4.2	Teori Konstruktivisme	44
2.4.3	Analisis kritis dan justifikasi pemilihan teori	47
2.5	Sorotan kajian lepas	48
2.5.1	Kajian lepas tentang strategi metakognitif dalam pendidikan	48
2.5.2	Kajian lepas tentang strategi metakognitif dalam pengajaran Ekonomi	50
2.5.3	Kesukaran pembelajaran Ekonomi Tingkatan Enam	52
2.5.4	Kaedah mengatasi kesukaran melalui strategi metakognitif	53
2.5.5	Analisis kritis dan jurang kajian	55
2.6	Kesimpulan	56
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	58
3.1	Pengenalan	58
3.2	Paradigma Kajian	58
3.3	Reka Bentuk Kajian	61
3.3.1	Pendekatan Kualitatif	61
3.3.2	Kajian Kes	63
3.4	Lokasi Kajian	66
3.5	Peserta Kajian	67
3.6	Latar Belakang Peserta Kajian dan Sekolah	70
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	73

3.8	Instrumen Kajian	77
3.9	Kajian Rintis	79
3.10	Kaedah Pengumpulan Data	80
3.10.1	Temu Bual	81
3.10.2	Pengkaji Sebagai Instrumen Penyelidikan	82
3.11	Pentadbiran Kajian Sebenar	83
3.12	Tatacara Penganalisan Data	84
3.12.1	Penganalisan Data Awal	85
3.12.2	Prosedur Analisa Tematik	86
3.13	Kesahan dan Kebolehpercayaan	88
3.13.1	Kesahan Dalaman	88
3.13.2	Kesahan Luaran	90
3.13.3	Kebolehpercayaan Data	90
3.14	Etika Kajian	91
3.15	Kesimpulan	94
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	95
4.1	Pengenalan	95
4.2	Kefahaman guru terhadap konsep strategi metakognitif dalam pengajaran Ekonomi	96
4.2.1	Istilah metakognitif	97

4.2.2	Kesedaran tentang pengetahuan	100
4.2.3	Pemilihan strategi pembelajaran terbaik	104
4.2.4	Keupayaan untuk menilai	107
4.3	Kefahaman guru tentang kepentingan penerapan strategi metakognitif dalam pengajaran Ekonomi	111
4.3.1	Membudayakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	112
4.3.2	Pembelajaran bermakna	117
4.3.3	Mengawal pembelajaran	122
4.4	Amalan penerapan strategi metakognitif dalam pengajaran Ekonomi	129
4.4.1	Perancangan pengajaran	130
4.4.2	Set induksi	140
4.4.3	Pemantauan pengajaran	147
4.4.4	Penilaian pengajaran	158
4.5	Cabaran penerapan strategi metakognitif dalam pengajaran Ekonomi	166
4.5.1	Kekangan masa	167
4.5.2	Pengetahuan guru tentang strategi metakognitif	173
4.5.3	Penyediaan bahan pengajaran	175
4.5.4	Kesediaan pelajar	177
4.6	Kesimpulan	185
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	186

5.1	Pengenalan	186
5.2	Ringkasan Kajian	186
5.3	Rumusan Perbincangan Dapatan Kajian	188
5.3.1	Kefahaman guru tentang konsep strategi metakognitif dalam pengajaran Ekonomi	189
5.3.2	Kefahaman guru tentang kepentingan menerapkan strategi metakognitif dalam pengajaran Ekonomi	191
5.3.3	Amalan penerapan strategi metakognitif yang dipraktikkan oleh guru dalam pengajaran Ekonomi	194
5.3.4	Cabaran penerapan strategi metakognitif dalam pengajaran penyelesaian masalah Ekonomi	200
5.4	Rumusan Kajian	202
5.5	Implikasi Kajian	204
5.5.1	Implikasi terhadap Teori	204
5.5.2	Implikasi terhadap Bidang Keilmuan	206
5.5.3	Implikasi terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	208
5.6	Batasan Kajian	209
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	211
5.8	Kesimpulan	213
	RUJUKAN	215
	APENDIKS	240

SENARAI JADUAL

	Mukasurat
Jadual 3.1 Latar Belakang Peserta Kajian	70
Jadual 3.2 Demografi Peserta Kajian	72
Jadual 3.3 Kedudukan Sekolah dan Jenis Sekolah	73
Jadual 4.1 Konsep Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Ekonomi	110
Jadual 4.2 Kepentingan Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Ekonomi	128
Jadual 4.3 Amalan Penerapan Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Ekonomi	165
Jadual 4.4 Cabaran Penerapan Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Ekonomi	184

SENARAI RAJAH

	Mukasurat	
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	15
Rajah 3.1	Prosedur Pengumpulan Data	77
Rajah 4.1	Konsep Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Ekonomi	97
Rajah 4.2	Kepentingan Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Ekonomi	112
Rajah 4.3	Amalan Penerapan Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Ekonomi	130
Rajah 4.4	Cabaran Penerapan Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Ekonomi	167

SENARAI SINGKATAN

AKEPT	Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi
BPG	Bahagian Profesionalisme Guru
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
IPG	Institut Pendidikan Guru
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek
JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
OECD	<i>Organization for Economic Cooperation and Development</i>
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PIBG	Persatuan Ibu Bapa Guru
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
ZPD	<i>Zone of Proximal Development</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan konsep utama dalam penyelidikan ini. Perbincangan bab ini dimulakan dengan menghuraikan latar belakang kajian yang menekankan konsep strategi metakognitif, seterusnya mengaitkan peranan dan implikasinya dalam pengajaran mata pelajaran Ekonomi Tingkatan Enam. Seterusnya, objektif kajian dan persoalan kajian dibentuk bagi meneroka masalah yang diutarakan. Kemudian, kerangka konseptual kajian dipersembahkan bagi memberi gambaran penyelidikan secara keseluruhan. Bab ini diteruskan dengan perbincangan mengenai signifikan kajian dan definisi istilah bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini. Akhir sekali, bab ini ditutup dengan kesimpulan tentang rumusan organisasi tesis.

1.2 Latar Belakang Kajian

Berfikir merupakan suatu proses mental yang kompleks, melibatkan integrasi persepsi, pengalaman lalu, kesedaran dan intuisi dalam memproses maklumat bagi menghasilkan tafsiran, penilaian serta keputusan yang bermakna (Baron, 2023). Dalam konteks pendidikan, kemahiran berfikir ditakrifkan sebagai kebolehan mengaplikasikan operasi mental tertentu secara sistematik untuk memanipulasi maklumat. Operasi ini merangkumi aktiviti seperti mengenal pasti masalah, menilai andaian, serta menimbang kekuatan sesuatu hujah (Beyer, 1987; Beyer, 2008).

Para sarjana membezakan dua bentuk operasi mental utama, iaitu kognitif dan metakognitif (Beyer, 2008). Operasi kognitif tertumpu kepada pemerolehan pengetahuan,

pemahaman, penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Sebaliknya, operasi metakognitif bertindak pada aras kawalan lebih tinggi, berperanan memantau, menilai serta menyemak semula keberkesanan strategi kognitif yang digunakan. Konsep metakognisi mula diperkenalkan melalui kajian metamemori oleh Wellman dan Flavell pada tahun 1975 serta diperluas oleh Flavell (1979). Brown (1987), Jacobs dan Paris (1987), serta Schraw dan Dennison (1994) pula memperincikan dua komponen utama metakognisi, iaitu pengetahuan metakognisi (deklaratif, prosedural dan kondisional) dan regulasi metakognisi (perancangan, pemantauan, penilaian dan semakan semula). Seterusnya, Hughes (2017) menegaskan bahawa metakognisi secara mudah dapat difahami sebagai kesedaran individu terhadap proses pemikiran mereka sendiri serta keupayaan untuk mengawal dan mengatur cara berfikir tersebut.

Penyelidikan kontemporari mengesahkan peranan kritikal metakognisi dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Drigas dan Mitsea (2020) menegaskan bahawa metakognisi berfungsi sebagai salah satu tonggak utama pembelajaran abad ke-21. Kajian meta-analisis oleh Dignath dan Büttner (2008) turut menunjukkan bahawa intervensi metakognitif berkesan meningkatkan keupayaan pembelajaran sendiri pelajar sekolah rendah dan menengah. Kajian lebih mutakhir pula menekankan peranan guru, di mana Karlen et al. (2023) mendapati bahawa kompetensi guru dalam mengaplikasikan strategi metakognitif sangat mempengaruhi tahap pembelajaran sendiri pelajar.

Hubungan antara metakognisi dan pencapaian akademik juga telah dibuktikan secara konsisten. Pintrich (2000) menyatakan bahawa pelajar yang mengamalkan strategi metakognitif lebih cenderung mencapai kejayaan kerana mereka dapat merancang, memantau dan menilai proses pembelajaran mereka. Kajian tempatan turut menyokong

dapatan ini, contohnya Rahman (2021) dan Ruzanita et al. (2021) yang mendapati penggunaan strategi metakognitif meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pencapaian pelajar.

Dalam konteks Malaysia, penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) kekal sebagai cabaran ketara. KBAT melibatkan aktiviti analisis, sintesis, penilaian serta penciptaan idea baharu yang hanya dapat diperkukuh melalui penerapan strategi metakognitif secara sistematik (Rajendran, 2017). Namun, laporan semasa Kementerian Pendidikan Malaysia (2023) menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelajar masih belum mencapai sasaran dalam aspek kemahiran berfikir kritis dan kreatif. Aspirasi ini sebenarnya telah ditekankan sejak pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 yang menekankan kepentingan pembelajaran berpusatkan murid dan penguasaan KBAT (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pada peringkat global, isu pengajaran dan pembelajaran Ekonomi turut mendapat perhatian kerana subjek ini menuntut penguasaan konsep abstrak, kemahiran analisis, serta aplikasi teori kepada situasi sebenar. Kajian antarabangsa mendapati bahawa pelajar prauniversiti dan universiti sering berdepan cabaran memahami “threshold concepts” dalam Ekonomi serta gagal menghubungkan teori dengan realiti ekonomi semasa (Feudel et al., 2022; Mohammed, 2024). Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD, 2019) melalui Kompas Pembelajaran 2030 turut menekankan kepentingan strategi pengajaran berasaskan metakognisi untuk membina pelajar sebagai pembelajar sepanjang hayat yang reflektif dan kritis. Walau bagaimanapun, keputusan Programme for International Student Assessment (PISA, 2022) menunjukkan pencapaian pelajar Malaysia

dalam aspek pemikiran kreatif masih rendah berbanding purata OECD, sekali gus menandakan wujud jurang antara dasar dan amalan (OECD, 2024).

Dalam konteks mata pelajaran Ekonomi Tingkatan Enam di Malaysia, cabaran ini menjadi lebih ketara. Ekonomi sebagai subjek prauniversiti dalam format modular sejak 2012 merangkumi Mikroekonomi, Makroekonomi, Ekonomi Malaysia serta kerja kursus (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012). Walaupun format ini direka untuk menyokong orientasi pembelajaran universiti, pelajar masih berhadapan kesukaran untuk menguasai konsep abstrak, mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi serta menghubungkan teori dengan amalan.

Di Sarawak, cabaran pendidikan bukan sahaja melibatkan penguasaan konsep Ekonomi, tetapi turut dipengaruhi faktor sistemik seperti kadar keciciran (drop-out) pelajar di peringkat menengah. Kajian oleh Suhaily et al. (2022) mendapati sebahagian besar pelajar yang berhenti sekolah berasal daripada kawasan pinggir bandar disebabkan oleh keterbatasan peluang pendidikan, kekurangan infrastruktur, dan kualiti pengajaran yang tidak seimbang. Walaupun terdapat peningkatan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar STPM di Sarawak, dengan 1.55% calon memperoleh CGPA 4.0 dan 33.56% berada pada julat CGPA 3.0–3.99 pada tahun 2023 (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2023), pencapaian ini masih belum mencerminkan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi yang diperlukan untuk pembelajaran abad ke-21.

Tambahan pula, kajian pedagogi tempatan menunjukkan bahawa guru di Sarawak sering bergelut dengan penerapan strategi pengajaran yang berpusatkan murid. Kajian kualitatif oleh Ting dan Mahadhir (2019) tentang kognisi guru dalam konteks bilik darjah di Sarawak mendapati guru perlu meningkatkan kefahaman dan refleksi terhadap amalan

pengajaran mereka untuk menyokong perkembangan kemahiran berfikir pelajar. Hal ini memperlihatkan bahawa kefahaman guru tentang konsep metakognisi serta penerapan strategi metakognitif dalam pengajaran adalah aspek kritikal yang wajar diterokai secara ilmiah.

Meskipun terdapat banyak kajian tentang metakognisi dalam subjek Sains, Matematik dan Bahasa (Hussin et al., 2020; Rahman, 2021), kajian yang meneliti amalan guru Ekonomi Tingkatan Enam, khususnya dalam konteks Sarawak, masih sangat terhad. Jurang ini penting dari sudut ilmiah kerana ia menyentuh persoalan fundamental iaitu sejauh mana guru memahami konsep metakognisi, bagaimana mereka menerapkan strategi metakognitif, dan apakah cabaran sebenar yang mereka hadapi ketika melaksanakan pengajaran Ekonomi Tingkatan Enam. Kajian ini signifikan kerana ia bukan sahaja mengisi jurang praktikal dalam pengajaran, tetapi juga menyumbang kepada penghasilan ilmu baharu tentang penerokaan kefahaman guru serta amalan penerapan strategi metakognitif dalam konteks pendidikan Ekonomi Tingkatan Enam di Malaysia, khususnya di Sarawak.

1.3 Pernyataan Masalah

Ekonomi merupakan salah satu disiplin ilmu sains sosial yang kompleks kerana ia mengintegrasikan teori abstrak, pengiraan kuantitatif, graf, jadual dan persamaan matematik dalam usaha menyelesaikan masalah Ekonomi. Kompleksiti ini menuntut pelajar bukan sahaja menguasai kandungan fakta, tetapi juga memiliki kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) untuk menganalisis, menilai dan mengaplikasikan konsep dalam situasi sebenar. Walau bagaimanapun, banyak kajian menunjukkan bahawa Ekonomi sering dianggap sebagai mata pelajaran yang sukar di peringkat sekolah menengah mahupun prauniversiti. Johnston et al. (2000) melaporkan bahawa pelajar di Australia berdepan cabaran besar dalam

memahami konsep abstrak dan elemen matematik Ekonomi. Dapatan ini turut disokong oleh kajian tempatan yang mendapati pelajar Tingkatan Enam mengalami kesukaran dalam pemahaman konsep Ekonomi, pengiraan kuantitatif, serta interpretasi graf (Khoo Yin Yin & Zakaria Kassim, 2005; Arsaythamby & Julinamary, 2015). Penemuan lebih terkini oleh Feudel et al. (2022) dan Mohammed (2024) menerusi kajian yang dilaksanakan di Jerman dan Nigeria turut menegaskan bahawa pelajar prauniversiti menghadapi cabaran dalam menguasai konsep ambang (threshold concepts) dan gagal menghubungkan teori dengan aplikasi praktikal. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa masalah pembelajaran Ekonomi bukanlah fenomena baharu, tetapi kekal relevan dan masih berterusan sehingga kini.

Permasalahan ini tidak hanya berlaku dalam mata pelajaran Ekonomi. Dalam bidang lain seperti Matematik dan Sains, pelajar juga dilaporkan menghadapi cabaran yang hampir sama. Hussin et al. (2020) mendapati pelajar Matematik sering gagal menguasai penyelesaian masalah kompleks tanpa bimbingan strategi metakognitif, manakala Rahman (2021) menunjukkan bahawa dalam pembelajaran Sains, strategi metakognitif mampu memperkukuh pemahaman konsep dan meningkatkan keyakinan pelajar untuk mengaplikasikan teori dalam situasi praktikal. Dapatan ini mengesahkan bahawa strategi metakognitif berperanan kritikal merentas disiplin, terutama dalam bidang yang menuntut pemikiran abstrak dan analitikal. Namun, berbanding Matematik dan Sains yang telah banyak dikaji, penerapan strategi metakognitif dalam pengajaran Ekonomi prauniversiti masih kurang diberi perhatian.

Di Malaysia, mata pelajaran Ekonomi Tingkatan Enam diberikan penekanan dalam kurikulum modular STPM yang diperkenalkan pada tahun 2012. Sukatan baharu ini bertujuan menyelaraskan pengajian prauniversiti dengan orientasi universiti, termasuk